



Akhlak dan Kepimpinan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t., Tuhan yang menguasai sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Rasulullah s.a.w., ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Beta bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan rahmat, taufik, hidayah dan inayat-Nya dapat Beta menghadiri majlis ini dan bertemu dengan Ahli-ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Perak, alim ulama, kadi-kadi, guru-guru agama, mubaligh-mubaligh, imam-imam, pemimpin masyarakat Islam dan seterusnya muslimin dan muslimat sekalian.

Beta mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat

Titah Ucapan sempena Upacara Sambutan Ulang Tahun Keputeraan yang ke-56 di Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh, 17 Rejab 1404H bersamaan 19hb. April 1984.



Berhormat Menteri Besar Perak dan juga kepada setiap orang yang telah mengucapkan selamat hari keputeraan kepada Beta.

“Insaf, bahawa Beta sebagai seorang manusia, adalah terlalu kerdil di hadapan Allah Yang Maha Esa.”

Beta memilih hari ini, hari keputeraan Beta, untuk mengadakan majlis kesyukuran ini kerana Beta berpegang bahawa hari ini patut disambut dengan penuh kesyukuran dan keinsafan. Syukur, kerana Allah s.w.t. telah mengizinkan Beta mengabdikan diri Beta kepada-Nya setahun lagi. Syukur, atas segala limpah kurnia dan rahmat yang telah diberi-Nya sepanjang hayat Beta yang Beta tidak terdaya untuk menghitung, apatah lagi membalasnya. Insaf, bahawa Beta sebagai seorang manusia, adalah terlalu kerdil di hadapan Allah Yang Maha Esa. Dan, insaf akan tanggungjawab Beta yang berat, terutama sekali berhubung dengan agama Islam, agama rasmi negeri Perak yang Beta menjadi ketuanya.

Walaupun Beta adalah Ketua Agama Islam bagi negeri Perak, keadaan hari ini tidak membolehkan Beta menyamar pada malam hari seperti yang pernah dilakukan oleh Sayidina Umar Ibn al-Khattab untuk melihat dengan mata kepala Beta apa yang sedang berlaku di setiap daerah dan di setiap kariah. Maka, tuan-tuan adalah mata dan telinga Beta. Juga, keadaan hari ini tidak mengizinkan Beta mentadbir hal-hwal agama Islam seorang sendiri. Oleh itu, tuan-tuan adalah kaki dan tangan Beta.

Tuan-tuan adalah ukuran rakyat terhadap Beta sebagai Ketua Agama Islam di negeri Perak. Elok tuan-tuan, eloklah Beta. Pincang tuan-tuan, pincanglah Beta.

Oleh sebab itu, Beta menaruh sepenuh harapan kepada tuan-tuan. Dan oleh sebab itulah, maka Beta mengharapkan bahawa tuan-tuan, baik apa jawatan yang dipegang, baik di peringkat negeri, daerah, kariah atau kampung, akan menjalankan tugas masing-masing dengan baik.



Dalam menjalankan tugas, tuan-tuan hendaklah menunjukkan akhlak yang mulia seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. Dalam berdakwah, tuan-tuan hendaklah menyeru dengan bijaksana seperti yang dituntut oleh al-Quran. Sebagai pemimpin masyarakat Islam, tuan-tuan hendaklah menunjukkan teladan yang baik kerana: “Sebaik-baik pelajaran ialah dengan perbuatan.” Badan-badan dan anggota pentadbiran agama hendaklah menjadi teladan yang boleh dihormati dan dicontohi oleh pegawai-pegawai dan jabatan-jabatan lain. Ini akan menaikkan lagi imej agama Islam yang maha suci. Sebaliknya kepincangan dan kelemahan dalam mana-mana badan, dan teladan yang buruk oleh mana-mana anggota pentadbiran agama, baik di peringkat negeri, daerah, kariah atau kampung, hanya akan mencemarkan agama Islam yang maha suci dan menggugat kedudukan Beta sebagai ketua agama di negeri Perak.

“Janganlah sekali-kali masjid dijadikan gelanggang perbalahan, baik perbalahan politik atau apa sahaja.”

Di samping itu, Beta berharap tuan-tuan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengimarahkan masjid-masjid kita. Sembahyang berjemaah hendaklah diadakan pada setiap waktu di semua masjid. Kemuliaan dan kebersihan masjid hendaklah dijaga. Gunakanlah ia sepenuhnya untuk tujuan yang suci. Janganlah sekali-kali masjid dijadikan gelanggang perbalahan, baik perbalahan politik atau apa sahaja.

Akhir kata, Beta berharap tuan-tuan akan menjadikan perjumpaan ini sebagai detik permulaan era baru bagi kita sama-sama berusaha sedaya upaya kita untuk meninggikan syiar Islam di negeri Perak.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.